

21 NOV 2000  
LID-PEMIMPIN  
LID 2000 BAWA KESAN BESAR BAGI PERKONGSIAN MAKLUMAT

LANGKAWI, 21 Nov (Bernama) -- Dialog Antarabangsa Langkawi 2000 (LID 2000) telah membawa kesan yang besar dalam usaha ke arah perkongsian maklumat dan membanding prestasi antara kerajaan dalam pergerakan perkongsian bestari.

Presiden Botswana Festus G. Mogae berkata sepanjang dialog dua hari itu, pemimpin-pemimpin memperoleh banyak pengetahuan daripada antara satu sama lain berkaitan bahagian ekonomi, sosial dan budaya.

Bagi Botswana, beliau berkata negara itu telah mempelajari banyak perkara dari Malaysia.

"Sebagai contoh, kami mahu mencontohi pengalaman Malaysia dalam operasi dan pengurusan lebuh raya maklumatnya," katanya kepada sidang akhbar di akhir sesi dialog ketua-ketua di LID 2000, di sini.

Malaysia memulakan inisiatif Koridor Raya Multimedia (MSC), kawasan seluas 50 km kali 15 km yang menghubungkan KL City Centre, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Putrajaya.

Mogae juga berkata lapan ketua-ketua kerajaan yang menyertai dialog perkongsian bestari itu juga belajar bagaimana untuk mendapat pendirian yang sama bagi menangani isu globalisasi.

"Kita tidak perlu menyerah kalah (dalam menangani dan melalui proses globalisasi) kerana kita sebenarnya mempunyai keupayaan sendiri untuk menanganinya," katanya.

Perdana Menteri Lesotho Pakalitha Bethuel Mosisili berkata LID 2000 adalah forum susulan yang efektif daripada Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) pada Ogos.

"Ia adalah satu forum yang berdaya maju dan pragmatik di mana kerajaan rakan kongsi bertukar idea dan membincangkan perkara-perkara berkaitan kemajuan negara untuk mencari satu-satu jalan penyelesaian," katanya.

Beliau juga berkata pemimpin-pemimpin melahirkan rasa puas hati mereka terhadap pembentukan pusat kegiatan nasional di negara masing-masing.

Konsep dan amalan perkongsian bestari telah berjalan lancar di pelbagai negara, kata Mosisili.

"Kenyataan oleh Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkaitan memakmurkan jiran dan situasi menang-menang diterima dengan baik oleh semua kerajaan yang terbabit," tambahnya.

Mosisili menyatakan penduduk di negara yang terlibat dalam perkongsian telah mula mengiktiraf dan menikmati faedah daripada konsep perkongsian bestari itu, tambahnya.

Jacob G. Zuma, naib presiden Afrika Selatan, berkata LID 2000 adalah sebuah forum yang unit, tidak rasmi dan tanpa sebarang halangan khusus.

"Di sini (di LID 2000) peserta boleh bersuara secara terbuka yang membawa kepada pemahaman yang lebih baik dan pantas," katanya.

Zuma juga memuji inisiatif yang diambil oleh media untuk menubuhkan Rangkaian Berita Selatan yang akan membolehkan pertukaran maklumat dan berita bagi negara-negara yang terlibat dalam perkongsian bestari.

Perbincangan dan dialog juga membuahkan hasil dan ini menunjukkan bahawa harapan dan sasaran perkongsian bestari akan menjadi satu kenyataan.

Naib presiden Uganda Speciosa Mandira Kazibwe berkata apa yang menjadikan LID 2000 begitu unik adalah pemaparan teknologinya.

"Ini menjadikan kita (negara-negara yang terlibat dalam perkongsian bestari) sedar bahawa kita hidup di era yang berbeza dan kita mesti bekerjasama dengan generasi baru untuk menggerakkan ke hadapan ekonomi

kita," katanya.

Berdasarkan suasana ini, beliau menyedari akan kepentingan untuk menarik kemasukan golongan muda dalam dialog itu.

"Oleh itu bersama dengan golongan belia, kami akan berkongsi berita (menerusi cadangan Rangkaian Berita Selatan) bersama anda, dan juga memperkenalkannya kepada generasi muda yang pastinya suatu hari kelak membentuk majoriti daripada penduduk-penduduk di negara-negara membangun," kata Kazibe.

Beliau berkata, Masa depan terletak di tangan generasi muda. Mereka adalah orang yang sepatutnya tampil ke hadapan dan menguasai teknologi serta merangka rancangan bagi masa depan mereka sendiri.

"Dialog seterusnya yang akan berlangsung di Kampala (ibu kota Uganda) akan menjadi lebih menarik jika lebih ramai belia menyertainya," katanya.

-- BERNAMA

RIZ FR ZK